

# 'Kaji akta pilihan raya'

BH- 9/11/2007

## SPR syor tubuh suruhanjaya bebas

**B** ANGI: Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman mencadangkan sebuah suruhanjaya bebas ditubuhkan bagi mengkaji semula undang-undang dan peraturan pilihan raya serta penstrukturan semula SPR.

Beliau berkata, selain memberikan lebih kuasa kepada SPR, kajian semula itu juga bertujuan menjadikan proses pilihan raya lebih telus, adil dan saksama kepada semua parti politik dan rakyat negara ini.

"Orang sekarang lebih pandai, negara juga dah moden. Orang bertanya kenapa tidak boleh dibuat pilihan raya yang lebih telus," katanya kepada pemberita selepas sesi soal jawab pada majlis pelancaran Akademi Pilihan Raya di sini semalam.

Beliau berkata, undang-undang dan peraturan pilihan raya negara yang berusia 50 tahun itu tidak lagi sesuai pada masa ini dan tidak lagi

memberi ruang kepada SPR untuk menjamin keadilan terus wujud bagi semua pihak memandangkan keadaan sosial sudah berubah.

Abdul Rashid berkata, walaupun kajian semula itu menyentuh perundangan dan peraturan pilihan raya, kuasa pembubaran Parlimen yang dimiliki kerajaan akan terus dikekalkan.

"Itu masih kekal pada bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. Sistem itu dikekalkan. Kita hanya meminda beberapa undang-undang," katanya.

Abdul Rashid juga bersedia menjadi penasihat kepada suruhanjaya bebas itu sekiranya khidmatnya diperlukan khususnya berkaitan kuasa yang perlu dimiliki oleh SPR dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Mengenai penubuhan Akademi Pilihan Raya itu, beliau berharap ia akan menjadi sebuah institusi latihan yang berupaya melahirkan petugas lebih cekap. - Bernama